

Usah jadikan negara lokasi pelaburan kurang berkualiti

Dari Kaca Mata



Prof Madya Dr Tamat Sarmidi

Timbalan Dekan (Pendidikan dan Inovasi) Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia

paling menyerlah dalam mewujudkan ekosistem pelaburan di Asia oleh World Business Angel Investment Forum (WBAIF).

Jika dibandingkan negara lain, Malaysia menduduki ranking ke-12 sebagai negara yang mudah dalam menjalankan perniagaan pada 2020 mengahapi semua negara ASEAN, kecuali Singapura.

Kerajaan sangat menekankan kecukupan proses, mempercepat kelulusan dan mengurangkan birokrasi yang tidak berkaitan dalam usaha menjadikan Malaysia destinasi utama pelaburan asing.

Kepentingan aspek kecukupan dan mengurangkan birokrasi kelulusan pelaburan menjadi agenda utama. Ditambah kekuatan institusi, strategi dan dasar pragmatik serta perperniagaan mampu menjadikan Malaysia sebagai destinasi utama pelaburan asing.

Namun, dalam kehairahan menarik lebih banyak pelaburan asing, ada beberapa perkara perlu diberi perhatian serius.

Antaranya, pelaburan asing perlu menyokong kelangsungan perusahaan mikro, kecil dan sederhana tempatan. Statistiknya lebih 90 peratus kritiri perusahaan di negara ini berstatus mikro atau kecil atau sederhana.

Galakan pelaburan menggunakan kepakaran dan bahan mentah tempatan. Terdapat beberapa industri Malaysia unik pada peringkat

antarabangsa perlu diberi perhatian sewajarnya seperti perikanan nilam, industri minyak sawit, getah asli dan makanan.

Elakkan pelaburan mempunyai nilai tambah tempatan sangat rendah. Contohnya, pelaburan yang menjadikan Malaysia sebagai tempat memasang peralatan tarbuta yang keseluruhan komponen dipasang diimport dari luar negara.

Lebih banyak buruh memasang peralatan juga dari luar negara. Pelabur hanya bermotifkan kepentingan syarikat dan insentif

diberi kerajaan.

Kedua, buruh asing terus menjadi isu serius dalam landskap ekonomi negara pasca COVID-19. Selain suhu dikawal ketika penularan wabak, buruh asing menyumbang isu keselamatan, kecukupan dan kestabilan dana luar negara dalam bentuk kiriman wang.

Namun, kesediaan warga tempatan mengisi atau menggantikan warga asing terus dipersoalkan. Banyak diperhincangkan mengenai sikap dan kekusutan mental buruh tempatan jika dibandingkan dengan buruh asing.

Strateginya, pelaburan asing yang menyokong industri berteknologi tinggi berasaskan sumber asli tempatan beresialan dengan sistem pendidikan negara yang menekankan transformasi digital dan kemahiran berdasarkan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

Ketiga, pelaburan asing yang mendukung teknologi hijau yang mesra alam sekitar. Keluasan pelaburan asing semestinya sejajar luar negara mematuhi Protokol Kyoto 1997 yang mewelankan kualiti alam sekitar.

Pelaburan asing berteraskan teknologi hijau seharusnya diberi perhatian istimewa, terdapat kajian ilmiah membuktikan wujud kesan positif kepada kemasukan pelabur asing jika kerajaan me-

ngatakan syarat kemasukan pelaburan supaya memenuhi budaya negara penerima seperti syarat struktur modal, gaji minimum dan teknologi mesra alam sekitar.

Paradoks seperti ini menimbulkan dilema kepada pembuat dasar kerana semakin bertegas dalam menentukan kemasukan pelaburan asing akan mengakibatkan berkurangnya pelaburan asing ke dalam negara.

Sebaliknya, semakin longgar syarat dalam meluluskan pelaburan asing, dapat meningkatkan kemasukan pelaburan asing.

Hakikatnya, kecukupan dan kurang birokrasi ditandakan kelajuan dalam proses kelulusan pelaburan asing tidak boleh dijadikan asas untuk mengundang pelaburan 'kotor'. Kebanyakan perusahaan di negara maju menganggap negara membangun tempat untuk menempatkan pelaburan kurang berkualiti, berasaskan buruh murah dan teknologi tidak mesra alam sekitar atau lebih dikenali sebagai 'syurga pencemaran'.

Negara maju mengambil kesempatan memindahkan industri tidak mesra alam sekitar ke negara membangun yang memertulkan dana pelaburan asing.

Strateginya, banyak kajian menekankan ketahanan institusi sebagai daya tarikan kepada kemasukan pelabur asing.

Keyakinan pelabur kepada ketahanan nilai budaya kerja dan integriti institusi mampu mengurangkan risiko pelaburan dan menjadikan negara sebagai destinasi utama pelabur.

Malaysia, dalam usaha menarik lebih banyak pelaburan asing untuk mengatasi kelesapan ekonomi selepas pandemik COVID-19, beberapa perkara asas kualiti pelaburan menyokong rangkaian perantara perusahaan mikro, kecil dan sederhana serta pembatalan buruh tempatan mesti ditubuhkan.

Kelestarian tadbir urus pelaburan seperti keberkesanan promosi, kecukupan bantuan, liberalisasi pelaburan dan perlindungan dana bakal lebih menyerlahkan ketahanan institusi di negara ini.

Pandemik mengubah normal biasa pelaburan. Inilah masanya untuk negara menyojokkan normal baharu pelaburan negara bertahap yang swaskekal dan berwujud Malaysia.

Kebanyakan perusahaan di negara maju menganggap negara membangun tempat untuk menempatkan pelaburan kurang berkualiti, berasaskan buruh murah dan teknologi tidak mesra alam sekitar atau lebih dikenali sebagai 'syurga pencemaran'.



Kelangsungan perusahaan mikro, kecil dan sederhana tempatan perlu diambil kira dalam usaha pikat pelaburan asing.

(Foto: Hassan)

Pemulihan ekonomi pasca pandemik COVID-19 memerlukan banyak sokongan daripada pelaburan langsung atau tidak langsung asing.

Di samping suntikan modal, pelaburan asing menjadi tulang synergi merukuhkan hubungan diplomatik dan pengembangan pasaran produk Malaysia ke persekutuan antarabangsa.

Pandemik melanda dunia awal tahun ini menjejaskan prestasi kemasukan pelaburan asing ke Malaysia. Dalam laporan 2020, Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia (ADB) mengunjurkan pelaburan asing Malaysia akan terjejas teruk akibat pandemik.

Usaha terancang dan berstruktur di bawah Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan pelbagai agensi di bawah Kementerian seperti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) atau agensi kerajaan negeri, berjaya menjadikan Malaysia negara pilihan utama pelabur antarabangsa.

Banyak faktor menyumbang kejayaan ini, antaranya tajaan pelaburan jelas, infrastruktur asas memenuhi piawanan, tenaga pakar dalam bidang, sumber asli yang banyak dan pelbagai insentif lowongan disediakan keriduan di samping kestabilan politik negara, walaupun masyarakatnya pelbagai kaum.

Sebagai bukti, stok pelaburan langsung asing (FDI) Malaysia terus meningkat tahun ke tahun, iaitu dari RM474.6 bilion pada 2014 kepada RM611.2 bilion 2019.

Sebagai tanda pengiktirafan, pada 2020 Malaysia dinobatkan

Utusan

Pengarang Kumpulan
SALDON IDRISS
saldon@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Kaedah & Digital
NI THILLINADAN
nithy@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Edisi Cetak
AZHAR A SAMAN
azharas@bh.com.my

Ketua Konvergen, Komersial & Multimedia NSTP
DATUK AHMAD ZAINI KAMARUZZAMAN
madzaini@bh.com.my